



CONTOH HELAIAN MAKLUMAT SUBJEK

Tajuk Kajian

Prevalens dan faktor berkaitan dengan masalah kualiti tidur yang rendah dan mengantuk siang hari dalam kalangan pesakit epilepsi.

Pengenalan:

Anda adalah dijemput untuk menyertai kajian secara sukarela dan berhak menarik diri daripada kajian ini pada bila-bila masa. Sebelum anda mengambil bahagian dalam kajian ini, adalah penting untuk anda mengambil masa untuk membaca dan memahami Helaian Maklumat Subjek ini.

Tujuan Kajian:

Tujuan kajian ini adalah untuk menentukan prevalens dan faktor berkaitan masalah tidur dalam kalangan pesakit epilepsi.

Kaedah Kajian:

(Bagaimanakah kajian ini dijalankan?)

Maklumat seperti sejarah perubatan dan data demografi akan dicatat dan direkodkan.

Risiko dan faedah kajian:

Risiko untuk penyertaan ini adalah minimum dan tidak menjejaskan rawatan anda. Penyelidikan ini akan memberikan manfaat atau tidak memberi manfaat kepada anda.

Apakah tanggungjawab anda dalam kajian ini:

Setelah anda bersetuju untuk menyertai penyelidikan ini, anda perlu mengisi borang soal selidik yang merangkumi soalan yang berkaitan epilepsy dan masalah tidur anda.

Adakah anda perlu menyertai kajian ini?

Penyertaan dalam kajian ini adalah secara sukarela. Sekiranya anda bersetuju untuk mengambil bahagian, anda akan diminta untuk menandatangani "Surat Kebenaran".

Anda akan diberikan salinan surat kebenaran tersebut dan Helaian Maklumat Subjek ini. Rawatan anda tidak akan terjejas sekiranya anda memutuskan untuk tidak mengambil bahagian dalam kajian ini. Rawatan epilepsi anda akan terus diberikan sesuai dengan protokol rawatan. Sekiranya anda telah mengambil bahagian, anda masih boleh menarik diri daripada kajian tanpa sebarang denda. Data anda tidak akan digunakan dan akan dihapuskan.

Kerahsiaan:

Maklumat dalam kajian ini akan dibuat dalam bentuk laporan yang akan diterbitkan. Maklumat-maklumat ini hanya boleh diakses oleh para pengkaji dan JKEP. Maklumat ini akan dilaporkan dalam bentuk kolektif dan tidak akan merujuk kepada individu tertentu. Dengan ini maklumat anda adalah sulit dan terpelihara.

Bayaran dan pampasan:

Anda tidak perlu membayar ataupun dibayar untuk menyertai kajian ini. Anda juga tidak akan menerima sebarang pampasan kerana menyertai penyelidikan ini.

Kepada siapakah yang saya boleh bertanya tentang kajian ini?

Sekiranya anda mempunyai sebarang persoalan, anda boleh merujuk kepada Kumpulan Penyelidik. Anda juga boleh menghubungi JKEP untuk pengesahan dan sebarang aduan.

Sekretariat JKEP
Nombor telefon : 09-668 4384
Emel : sekretariat.jkep@umt.edu.my

Kumpulan Penyelidik:

Nama: Ketua Penyelidik
PTj : XXXXXX
Nombor Telefon: 03-9145XXXX
Emel :

Nama Pelajar: XXXXXX
Nombor Telefon: XXX-XXXXXX
Emel :